

MAKLUMAN RASMI

MAKLUMAN KEMASUKAN PELAJAR, PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DAN LATIHAN INDUSTRI SESI NOVEMBER 2021

KOLEJ POLY-TECH MARA BATU PAHAT

Adalah dimaklumkan, Mesyuarat Pengurusan KPTMSB Bil. 114 (07/2021) bertarikh **20 September 2021** telah memutuskan perkara seperti berikut:-

1.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

1.1 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi sesi November 2021 telah ditetapkan iaitu:

KATEGORI PELAJAR	KAEDAH PDP	LOKASI
Pelajar Semester 1, 2 dan 3	Atas Talian (Online)	Kediaman masing-masing
Pelajar Semester 4, 5, 6 dan ke atas (bagi pelajar yang belum layak menjalani Latihan Industri)	Hibrid (Bersemuka dan Online)	Kolej dan asrama/rumah sewa/kediaman (bagi yang tinggal sekitar Batu Pahat)

1.2 Kuliah akan bermula pada **1 Disember 2021 (Rabu)** dan akan berakhir pada **15 Mac 2022 (Selasa)** selama **empat belas (14) minggu**.

1.3 Kalendar Akademik bagi sesi **November 2021** diringkaskan seperti berikut:

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
Kuliah bermula	1 Disember 2021 – 15 Mac 2022	14 minggu
Minggu Ulangkaji	16 – 20 Mac 2022	5 hari
Minggu Peperiksaan Akhir	21 Mac – 3 April 2022	2 minggu
Cuti Akhir Semester	4 – 24 April 2022	3 minggu

Cuti Umum:

- 1 25 Disember 2021 (Ahad) – Hari Krismas
 2 25 – 26 Januari 2022 (Sabtu – Ahad) – Tahun Baru Cina

2.0 PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN KANAN SESI NOVEMBER 2021

2.1 Proses pendaftaran pelajar baharu dan kanan akan dijalankan sepenuhnya secara **online**.

2.2 Pelajar baharu perlu mendaftar secara online di pautan rasmi pendaftaran <https://www.eregister.kptm.edu.my> bermula **24-26 November 2021**.

2.3 Pelajar kanan perlu membuat Pra-Pendaftaran Kursus (PPK) secara online bermula **18 Oktober 2021**. Makluman lanjut berkenaan proses tersebut akan dimaklumkan melalui emel rasmi pelajar.

3.0 KEMASUKAN PELAJAR SECARA FIZIKAL (SEMESTER 4,5,6 YANG TINGGAL DI ASRAMA)

- 3.1 Semua pelajar (Semester 4,5 dan 6) **DIWAJIBKAN** kembali ke kampus kecuali lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD dan negeri yang menguatkuasakan larangan pergerakan.
- 3.2 Pelajar serta ibu bapa/waris yang menghantar pelajar yang **LENGKAP DIVAKSINASI** sahaja **DIBENARKAN** memasuki kampus iaitu:
 - i) 14 hari selepas suntikan dua (2) dos vaksin jenis Pfizer atau Astra Zeneca atau Sinovac **ATAU**;
 - ii) 28 hari selepas suntikan satu (1) jenis Johnson & Johnson atau Cansino **DAN**;
 - iii) Risiko rendah dan tiada simptom ("*Low Risk*" termasuk "*Casual Contact Low Risk*") yang direkodkan di aplikasi MySejahtera masing-masing.
- 3.3 Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan pendaftaran.
- 3.4 Surat kelulusan pergerakan pelajar akan dikeluarkan sebagai dokumen perjalanan merentas negeri atau daerah.
- 3.5 Pihak kolej turut menetapkan kaedah pergerakan pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus adalah:
 - 3.5.1 Menggunakan kenderaan sendiri
 - 3.5.2 Dihantar oleh ibu bapa / penjaga yang telah lengkap divaksinasi
 - 3.5.3 Berkongsi kenderaan mengikut kapasiti yang ditetapkan di mana pemandu dan penumpang telah lengkap divaksinasi; dan
 - 3.5.4 Menggunakan pengangkutan udara
 - 3.5.5 Pelajar bermasalah dengan pengangkutan untuk kembali ke kampus perlu menghubungi pihak kolej
- 3.6 Semua kos pergerakan kembali ke kolej ditanggung oleh pelajar
- 3.7 Tarikh pergerakan pulang pelajar ke kolej, garis panduan dan tatacara pergerakan akan dimaklumkan pada **22 Oktober 2021** melalui laman web rasmi KPTM Batu Pahat dan media sosial kolej; Facebook (***Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat (Official)***), Instagram (***kptm.batu.pahat***) dan Twitter (***@kptmbp***)
- 3.8 Pelajar yang kembali ke kolej juga perlu melaksanakan Ujian Kit Kendiri COVID-19 tiga (3) hari sebelum melapor diri ke kolej. Keputusan ujian sendiri perlu diserahkan kepada pihak kolej bagi tujuan rekod.
- 3.9 Sekiranya bergejala dalam tempoh tersebut, pelajar perlu menghubungi pegawai kolej yang bertugas untuk tindakan seterusnya.
- 3.10 Bagi pelajar-pelajar dari Sabah, Sarawak dan Labuan, prosedur kemasukan ke Semenanjung adalah berdasarkan prosedur Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri masing-masing.

4.0 LATIHAN INDUSTRI SESI NOVEMBER 2021

4.1 Pelajar yang telah mendapat penempatan untuk menjalani sesi Latihan Industri (LI) boleh memulakan sesi LI pada **1 Disember 2021**.

4.2 Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri (LI) juga boleh mempertimbangkan perkara berikut untuk dilaksanakan:

4.2.1 Pelajar yang berjaya mendapatkan tempat boleh meneruskan Latihan Industri (LI) seperti yang dijadualkan **ATAU**

4.2.2 Pelajar dibenarkan menjalankan projek akhir berasaskan industri dengan persetujuan pihak industri dan fakulti di KUPTM/KPTM **ATAU**

4.2.3 Pelajar dibenarkan menjalankan projek akhir seperti yang diluluskan oleh Fakulti **ATAU**

4.2.4 Pelajar yang **TIDAK BERJAYA** mendapatkan penempatan Latihan Industri (LI) kerana kesukaran mendapatkan organisasi/syarikat untuk memberi kerjasama semasa pandemik Covid-19 boleh memohon penangguhan LI ke semester berikutnya.

5.0 PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

4.1 Sila hubungi pegawai seperti yang tersenarai untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut:

Bil.	Nama	Bahagian/Jabatan/ /Unit	No.Telefon
1.	Pn. Norhailawati binti Misran Pn. Umi Kalsum binti Hassan Pn. Noraini binti Mohad Dom	Akademik	019-7536424 016-7730872 017-7834593
2.	Pn. Fatimah binti Ismail Cik Nurul Aqmar binti Siam	Penjadualan dan Peperiksaan Pendaftaran dan Rekod	013-7778235 013-7147024
3.	Tn Hj Shuhaimi bin Ahmad Pn. Juliana binti Yahya	Pemasaran dan Pengambilan	012-3653731 019-7550967
4.	Pn. Akmal Shakila binti Haron Cik Idawati binti Ibrahim En. Mohd Firdhaus Helmy bin Halimi (SISWA) Pn. Fazilah binti Abd Manan (SISWI)	Hal Ehwal Pelajar (Kediaman dan Kebajikan)	014-5399670 017-7991579 012-7713931 017-7068374
5.	Pn. Mazliha binti Jumahat Pn. Noraidah binti Zainudin	Kewangan dan Tajaan	017-7975807 017-2608245
6.	En. Norazizan bin Muhamad	Teknologi Maklumat (IT)	019-7635704
7.	En. Mohd Zulfikar bin Abd Kadir	Latihan Industri	012-7707024

Sekian, terima kasih.



HAIRUNNIDA BINTI MANSOR